



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

7 Disember 2016  
Rabu

*Untuk Siaran Segera*

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MENGENAI PROSIDING PENGURUSAN  
BEKALAN UBAT DI KLINIK KESIHATAN DAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN  
PENYENGGARAAN KEJUTERAAN FASILITI (FEMS) DI HOSPITAL DI BAWAH  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, mengadakan Prosiding Pengurusan Bekalan Ubat Di Klinik Kesihatan dan Pengurusan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuteraan Fasiliti (FEMS) Di Hospital oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 di Dewan Rakyat pada 21 November 2016.
- 2) Hadir memberikan penjelasan di hadapan PAC Parlimen adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min dan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah.
- 3) Pada setiap tahun, Kerajaan membelanjakan pengurusan bekalan ubat RM3.90 bilion manakala pengurusan penyenggaraan kejuteraan fasiliti RM1.394 bilion.

4) Memandangkan KKM membelanjakan wang sebegitu banyak adalah perlu untuk memastikan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan memberi manfaat kepada rakyat. Pada kesimpulannya PAC Parlimen berpuashati dengan penjelasan oleh Kementerian. Walau bagaimanapun ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian.

**a. Pengurusan Bekalan Ubat Di Klinik Kesihatan**

- i. Meminta supaya Jabatan Perkhidmatan Awam menilai keperluan bagi penstrukturan semula Bahagian Audit Dalaman kementerian bagi mengukuhkan kawalan dalaman dan pengurusan. Ini kerana bagi kementerian yang besar seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran yang membelanjakan jumlah wang yang besar, adalah perlu Bahagian Audit Dalaman yang kukuh.
- ii. Keperluan untuk mengkaji semula agar Bahagian/Unit Audit Dalam melapor terus kepada Ketua Audit Negara.

**b. Pengurusan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)**

- i. Langkah Kerajaan mewujudkan jawatan Jurutera Operasi Hospital (JOHN) adalah tepat. Walau bagaimanapun jawatan tersebut perlu ditambah bagi pemantauan yang lebih berkesan dalam sektor penyenggaraan.